



Lembaga Tabung Haji (LTH): Sejarah Penubuhan & Operasi

BAB 1
LEMBAGA TABUNG HAJI SEBAGAI INSTITUSI
PELABURAN DI MALAYSIA : SEJARAH PENUBUHAN DAN OPERASI

- 1.1. Pengenalan
- 1.2. Sejarah Penubuhan Lembaga Tabung Haji (LTH)
- 1.3. Objektif Penubuhan Lembaga Tabung Haji (LTH)
- 1.4. Matlamat Penubuhan Lembaga Tabung Haji (LTH)
- 1.5. Misi Korporat Lembaga Tabung Haji (LTH)
- 1.6. Logo Lembaga Tabung Haji (LTH)
- 1.7. Organisasi Pentadbiran Lembaga Tabung Haji (LTH)
 - 1.7.1. Lembaga Pengarah
 - 1.7.2. Majlis Penasihat Urusan Haji
 - 1.7.3. Majlis Panasihat Pelaburan
 - 1.7.4. Lain-lain Jawatankuasa
 - 1.7.5. Ketua Eksekutif
- 1.8. Jabatan-jabatan di Lembaga Tabung Haji (LTH)
 - 1.8.1. Jabatan Sumber Manusia
 - 1.8.2. Jabatan Pelaburan
 - 1.8.3. Jabatan Kewangan
 - 1.8.4. Jabatan Haji
 - 1.8.5. Jabatan Pendeposit
- 1.9. Aktiviti-aktiviti di Lembaga Tabung Haji (LTH)
 - 1.9.1. Pengurusan Haji
 - 1.9.2. Pengurusan Kewangan
 - 1.9.3. Pelaburan
- 1.10. Kesimpulan

1.1 Pengenalan

Pentadbiran yang cekap dan berkualiti merupakan tunjang utama dalam menentukan kejayaan sesuatu organisasi. Apatah lagi dalam menguruskan institusi yang menjadi tunjang ekonomi negara, maka sebuah organisasi itu perlu mantap dari segala segi bagi memastikan kehendak dan kepuasan pelanggan diutamakan. Justeru itu, Lembaga Tabung Haji Malaysia (LTH) telah mengambil langkah yang positif bagi mentadbir kewangan jemaah haji, memudahkan urusan perjalanan jemaah haji, dan juga memastikan ekonomi umat Islam di negara ini mendapat jaminan sewajarnya dari pihak pentadbiran.

Oleh yang demikian, sejajar dengan itu LTH telah mengorak langkah setanding dengan institusi kewangan tempatan dan antarabangsa yang lain bagi membantu situasi sosio-ekonomi umat Islam yang pada suatu masa dahulu kurang terjamin. Hari ini, Tabung Haji turut menuju ke arah satu bentuk pengurusan kewangan yang mantap serta menjamin ekonomi masyarakat Islam malah yang utama, sistem ekonomi yang dipraktikkan di Tabung Haji ini juga merupakan salah satu cabang utama dalam syariah Islam.

Sehingga kini, perkembangan dan kecemerlangan LTH tidak dapat disangkal lagi. Ditambah pula dengan 84 cawangan yang telah dibuka di seluruh negara dan juga 3 buah cawangan lagi di negara-negara lain seperti Jeddah, Makkah dan Madinah.¹ Oleh yang demikian, bagi mengenali, menghayati dan mencontohi organisasi yang cemerlang ini, penulis akan cuba mencungkil dan menjelak sejarah, matlamat-matlamat, dasar-dasar, juga pentadbiran LTH serta perkara utama yang membawa kepada kejayaan LTH pada hari ini.

1.2 Sejarah Penubuhan

Secara historis, sistem pengurusan jemaah haji sebagaimana yang dilaksanakan oleh Tabung Haji telah wujud secara tidak formal semenjak zaman Rasulullah lagi. Malah ada pendapat yang lebih lama mengatakan bahawa kewujudan institusi haji ini seperti lamanya ibadat haji itu dilakukan iaitu semenjak zaman Nabi Adam lagi.² Sistem ini yang dimulakan di Tanah Arab lebih dikenali sebagai sistem *Sheikh* yang terdiri daripada orang-orang atau kelompok-kelompok tertentu yang ditugaskan untuk menguruskan kepentingan dan keperluan jemaah-jemaah haji. Sebagai contoh semasa zaman Jahiliyyah iaitu sebelum kelahiran Nabi Muhammad ﷺ, pengurusan kerja bagi menjaga Ka'bah dan para jemaah dibahagikan secara teratur kepada beberapa bahagian. Sebagai contoh penjagaan pintu masuk (*dijābah*) diserahkan kepada *Liwā'*, penasihat (*nadwah*) dipertanggungjawabkan kepada 'Abd al-Dār dan keluarga Rasul junjungan ini iaitu Bani 'Abd al-Manāf dipertanggungjawabkan untuk menyediakan minuman atau bekalan air (*siqāyah*) dan pertolongan cemas (*rifādah*) kepada para jemaah. Dalam kelompok Bani 'Abd al-Manāf, Hashim telah dipilih untuk memikul kedua-dua jawatan ini³. Oleh yang demikian, dapatlah kita lihat bahawa pengurusan haji ini telah lama wujud sama ada secara tidak formal ataupun secara formal.

Sebenarnya, jika kita merujuk kepada istilah-istilah atau nama-nama khusus yang digunakan terhadap individu dan kumpulan yang menguruskan jemaah haji ini, terdapat banyak gelaran yang diberikan kepada golongan ini. Antaranya ialah “*Mutawwif*”⁴ yang pada asasnya merujuk kepada seseorang yang melakukan atau memimpin tawaf di sekeliling Ka'bah bersama-sama

jemaah haji. Gelaran lain yang diberikan ialah “*Muzammir*⁵ yang merujuk kepada golongan yang bertanggungjawab seperti yang disebutkan di atas dan gelaran ini digunakan di Madinah. Gelaran lain bagi petugas haji dinamakan sebagai “*Zamzāni*⁶ yang ditugaskan untuk mengagih-agihkan air zamzam kepada para jemaah haji.

Walaupun terdapat satu sistem pengurusan yang bertanggungjawab menguruskan jemaah haji, namun perjalanan sistem *sheikh* ini di Tanah Arab didapati kurang sempurna dan menyebabkan timbulnya pelbagai masalah yang tersendiri. Oleh yang demikian, keadaan ini telah mencetuskan satu gagasan supaya mewujudkan satu institusi yang lebih sistematik yang secara jelas dapat menyalarkan dan mempermudahkan perjalanan jemaah-jemaah haji ke Mekah. Gagasan ini disarankan supaya satu bentuk reformasi terhadap sistem *sheikh* dilaksanakan di Tanah Arab mahupun di Tanah Melayu. Oleh yang demikian, bertitik-tolak dari kewujudan gesaan-gesaan ini, maka pada tahun 1976 kerajaan Arab Saudi telah menggubal peraturan baru bagi memperkemaskan sistem *sheikh* ini di sana.

Manakala di Tanah Melayu, perlaksanaan sistem *sheikh* ini secara tidak rasmi dipercayai telah wujud semenjak zaman Kegemilangan Melayu Melaka lagi sebagaimana yang diceritakan di dalam hikayat Hang Tuah.⁷ Umum mengetahui bahawa ibadah haji merupakan antara rukun Islam yang wajib dilakukan oleh umat Islam yang mencukupi syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam Islam. Oleh yang demikian, secara logik, perjalanan umat Islam ke Tanah Arab bagi menunaikan haji telah mula berlaku semenjak kedatangan Islam ke Tanah Melayu lagi. Menurut sejarah pula, kedatangan Islam ke Tanah

Melayu telah disahkan semasa Zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi iaitu pada kurun ke-15 atau lebih awal.⁸ Oleh yang demikian, sejarah orang Melayu menunaikan haji bolehlah dikaitkan dengan sejarah kedatangan Islam ke Tanah Melayu.

Namun demikian, beberapa puluhan tahun selepas itu, usaha untuk memastikan perjalanan jemaah haji secara sistematik sudah mula wujud. Sebelum ini, cara orang Melayu yang pergi menunaikan haji kebanyakannya bermusafir secara kolektif bersama rakan-rakan mereka. Apabila dirujuk kepada sejarah, kebanyakan jemaah haji ini terdiri daripada pembesar-pembesar negara. Malah, bilangan yang tepat mengenai jemaah haji Tanah Melayu ke Tanah Arab tidak dapat ditentukan secara empirik. Semua perkara ini berlaku sebelum kurun ke 19.

Selepas kurun ke 19, seperti yang dibincangkan di atas, di Tanah Arab, sistem sycikh yang ditubuhkan di sana turut menghadapi pelbagai rintangan dan kelemahan. Sebelum penubuhan Tabung Haji di Malaysia, sistem *sheikh* turut digunakan oleh jemaah haji. Malah, terdapat juga wakil-wakil *sheikh* ini yang datang ke Tanah Melayu bagi menguruskan dan membawa jemaah-jemaah haji menunaikan impian mereka. Namun demikian, terdapat banyak kelemahan yang timbul dari sistem ini. Antaranya ialah masalah gerak kerja yang kurang teratur dan tersusun dan lain-lain masalah sampingan. Oleh yang demikian, bagi menangani masalah ini, satu Jawatankuasa Pengagihan Haji telah ditubuhkan pada tahun 1948. Jawatankuasa ini adalah hasil daripada perbincangan kertas kerja yang dibincangkan dalam Mesyuarat Menteri-menteri Besar. Peristiwa bersejarah ini telah disusuli dengan penggubalan Ordinan Pengurusan Haji

Orang-orang Islam oleh Kerajaan British pada 1951. Tujuan penggubalan ordinan ini ialah bagi mengurus dan mengemaskini perjalanan haji orang-orang Islam di Tanah Melayu pada masa itu. Walau bagaimanapun, ordinan ini turut mendapat kesan daripada kelemahan sistem-sistem sebelumnya di mana masalah timbul pula masalah dari segi penyediaan perkara-perkara asas bagi menunaikan haji seperti proses pengumpulan wang jemaah-jemaah haji dan juga pendedahan awal dari segi ilmu dan keadaan Tanah Arab sebelum bertolak ke sana.⁹

Dalam pertengahan abad ke 20 pula iaitu sebelum tahun 1963, usaha orang-orang Melayu berjimat untuk menunaikan haji telah dilaksanakan secara tradisional. Sebagai contoh, antara cara yang amat popular dilaksanakan oleh orang Melayu pada masa itu termasuklah membeli tanah, sawah, binatang ternakan dan juga beberapa bentuk pelaburan jangka panjang yang lain¹⁰. Selain daripada itu, mereka juga banyak melakukan penyimpanan secara terus di tempat-tempat tertentu seperti di dalam atau di bawah bantal, di bawah tikar, di dalam tempayan, dan bahagian-bahagian rumah yang tersorok. Terdapat juga di antara penyimpan-penyimpan ini menyorokkan harta-harta mereka di dalam tanah dengan menanam tempayan atau bikar-bikar yang dipenuhi dengan harta ke dalam perut bumi. Pada waktu itu, orang Melayu beranggapan bahawa cara ini merupakan cara yang terbaik untuk memastikan wang atau harta yang disimpan berada dalam keadaan selamat dan terhijab dari pengetahuan orang ramai.

Akan tetapi, realitinya semua instrumen ini bukanlah cara yang paling selamat untuk memastikan harta-harta pada jemaah haji terjamin dari sebarang bentuk malapelataka. Lebih parah, ia juga boleh menyebabkan kerugian yang

besar seperti berlakunya kebakaran yang memusnahkan segala harta benda, banjir yang boleh menghanyutkan harta-harta ini ataupun kecurian, kematian binatang-binatang ternakan dan lain-lain lagi. Oleh yang demikian, daripada situasi orang Melayu pada waktu itu dapatlah kita membuat konklusi bahawa pelaburan yang dibuat oleh orang Melayu suatu masa dahulu menghadapi risiko yang amat besar dan terdedah kepada perubahan alam sekitar disamping pengaruh-pengaruh sampingan.

Walau bagaimanapun, apa yang amat jelas pada era 60-an ini, masyarakat Melayu amat mementingkan dan menitikberatkan kebersihan dan kesucian harta yang mereka miliki. Oleh yang demikian, hanya dengan cara-cara yang disebutkan di atas, mereka dapat memastikan kesucian harta mereka yang akan digunakan untuk menunaikan ibadah haji ini. Tambahan pula, masyarakat Melayu pada masa itu tidak mahu wang atau harta yang mereka miliki bercampur aduk dengan wang riba yang pada waktu itu menjadi amalan pengamal-pengamal ekonomi secara meluas di Malaysia. Selain daripada itu, masyarakat Melayu pada zaman tersebut tidak didedahkan dengan sistem perbankan Islam, malah kemungkinan besar isu perbankan Islam ini hanya dibicarakan oleh tokoh-tokoh ilmuan, akademik atau tokoh-tokoh ekonomi yang banyak menceburti bidang muamalat Islam ini.

Oleh itu, bertitik-tolak daripada kesedaran untuk memastikan penyimpanan harta yang dimiliki suci dan bebas dari sebarang unsur-unsur haram, seorang tokoh ekonomi telah mengemukakan satu kertas kerja yang bertajuk "*Pilgrims Economy Improvement Plan*" (Rancangan Membaiki Ekonomi Bakal-bakal Haji).¹¹ Beliau yang dimaksudkan ialah YM Prof. DiRaja

Ungku Abdul Aziz bin Ungku Abdul Hamid yang juga merupakan seorang ilmuan ekonomi yang pernah berkhidmat di Universiti Malaya (UM). Beliau telah mencadangkan kepada pucuk pimpinan kerajaan yang memerintah pada masa itu supaya menubuhkan satu institusi kewangan yang kukuh bagi bakal-bakal haji berdasarkan kepada konsep pelaburan dan keuntungan. Idea beliau yang amat bermas ini tercetus hasil daripada penelitian yang mendalam terhadap kalam Allah di dalam Al-Quran yang menyentuh secara jelas tentang kewajipan menunaikan ibadah haji sebagaimana firmannya:

وَأَتُمُوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةِ لِلَّهِ

(Sempurnakanlah ibadah haji dan umrah kerana Allah)

(Surah al-Baqarah : 196)

dan juga ayat dari Surah al-Māidah yang berbunyi:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَلَا تَنْفَرُوا

(Dan hendaklah kamu tolong-menolong untuk membuat kebaikan dan taqwa)

(Surah al-Māidah : 2)

Secara positif, kerajaan pada masa itu telah memberikan respon yang amat baik terhadap memorandum yang dikemukakan oleh YM Prof. DiRaja Ungku Aziz. Selepas merujuk kepada Penasihat Ekonomi pada masa itu iaitu Dato' D.A Spencer¹², atas nasihat beliau, pihak berkuasa seterusnya telah menubuhkan satu Jawatakuasa Kebajikan Ekonomi Bakal-Bakal Haji pada bulan

Jun, 1960 bagi mengkaji memorandum tersebut. Usaha ini juga telah mendapat pujian daripada Perdana Menteri Malaysia pada masa itu iaitu Tunku Abdul Rahman Putra Al-Hajj.

Oleh yang demikian, berlakulah satu lagi peristiwa bersejarah bagi negara kita khususnya bagi umat Islam di negara ini iaitu pada 24 Januari 1962¹³, cadangan ini telah diangkat kepada kerajaan dan pada 14 Ogos 1962¹⁴, Rang Undang-undang Perbadanan telah dibentangkan di Dewan Rakyat dan dibahaskan semasak-masaknya bagi menghasilkan natijah yang bakal memberikan keuntungan yang maksimum bagi umat Islam di Malaysia. Beberapa pindaan juga telah dibuat mengenai Rang Undang-undang itu sebelum ia diluluskan. Maka, pada September 1962, "*Malayan Muslim Pilgrims Savings Corporation*" (Perbadanan Wang Simpanan Bakal-bakal Haji Muslim Tanah Melayu) telah diluluskan di bawah Akta Parlimen No. 34 tahun 1962 yang juga merupakan hasil laporan Jawatankuasa Ekonomi Bakal-bakal Haji dalam Kertas Putih 22/62. Akta ini kemudiannya telah dikuatkuasakan pada 1 November 1962.¹⁵ dan dipengerusikan oleh Dato' Haji Hussain bin Mohd. Nordin.¹⁶

Perbadanan Wang Simpanan Bakal-Bakal Haji ini mula bergerak pada 1 April 1963 dan simpanan mula diterima dari orang Islam pada 30 September 1963. Bagi membolehkan Tabung Haji bertindak dengan lebih berkesan terutamanya bagi melaksanakan tujuan dan matlamat institusi ini yang telah digariskan, maka seterusnya pada 8 Ogos 1969, Perbadanan Wang Simpanan Bakal-bakal Haji yang telah ditubuhkan dan beribu pejabat di Kuala Lumpur telah digabungkan dengan Pejabat Urusan Tabung Haji yang beribu pejabat di

Pulau Pinang¹⁷. Sebenarnya, sebelum penubuhan Perbadanan Wang Simpanan Bakal-bakal Haji, di bawah Undang-undang “*The Muslim Pilgrim Ordinance 1951*” (No. 56 tahun 1951) pengurusan urusan haji telah di wujudkan di Pulau Pinang. Maka, Perbadanan Wang Simpanan Bakal-bakal Haji pula telah diwujudkan di bawah Akta NP 34 tahun 1962 yang berkuatkuasa pada 1 November 1962. Sebelum itu, semasa penjajahan British, undang-undang dan peraturan naik haji telah ditetapkan oleh pihak penjajah seperti “*Pilgrim and Pilgrim Ship Rules 1930*” untuk Negeri-negeri Bersekutu dan Negeri-negeri Selat. Manakala untuk Negeri-negeri Persekutuan Tanah Melayu, ordinan orang-orang Islam Haji 1951 (No. 56 tahun 1951) telah digunakan.¹⁸

Langkah yang positif telah dilaksanakan lagi pada tahun seterusnya. Bagi memastikan segala urusan jemaah haji dapat disclaraskan dari segala aspek maka Perbadanan Wang Simpanan Bakal-bakal Haji dan juga Pejabat Urusan Tabung Haji Pulau Pinang telah digabungkan dan gabungan ini telah melahirkan Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) yang turut juga dikenali sebagai Tabung Haji.¹⁹ LUTH ini ditubuhkan di bawah undang-undang Malaysia, Akta 8 Lembaga Urusan dan Tabung Haji 1969 dan disusuli dengan Akta A 168 LUTH (Pindaan) 1973.

Oleh itu, dengan penggubalan akta ini, maka Perbadanan Wang Simpanan Bakal-Bakal Haji Tanah Melayu 1963 telah dimansuhkan²⁰. Akta ini terus kkal sehingga pada tahun 1995, sekali lagi penggubalan dilakukan terhadap akta ini di mana akta baru diperkenalkan pada 13 Mei 1995 iaitu Akta 535 Lembaga Tabung Haji 1995 yang berkuatkuasa mulai 1 Jun 1995. Maka Akta ini sekali lagi telah memansuhkan Akta 8 tahun 1969 dan Akta A 168

LUTH (Pindaan) 1973²¹. Oleh yang demikian, pada 1 Jun 1995, akta baru Tabung Haji iaitu Akta 535, Akta Lembaga Tabung Haji 1995 dikuatkuasakan dan nama Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) digantikan dengan Lembaga Tabung Haji (LTH) pada 28 Ogos 1997 dan serentak dengan itu huruf TH diperkenalkan sebagai singkatan nama menggantikan perkataan Tabung Haji.²² (Lihat Lampiran 1.1)

Hakikatnya, usaha yang dipelopori oleh YM Prof. DiRaja Ungku Aziz ini merupakan satu usaha yang amat besar dan mulia bagi membantu dan memudahkan jemaah-jemaah Haji di Malaysia melakukan rukun Islam yang terakhir dalam Islam ini. Malah, lebih meyakinkan usaha ini telah mendapat pujian daripada tokoh ulama' Mesir²³ iaitu Ṣahibus Samāḥah Syeikhul Azhār Syeikh Mahmod Shaltout (Allahyarham) apabila konsep organisasi dan perbadanan ini dikemukakan kepada beliau. Perkara ini telah dijelaskan oleh YM Prof. Diraja Ungku Aziz dengan berkata:

.....

*"Syeikh Mahmod Shaltout yang telah lumpuh itu menyuruh orang mengangkatnya supaya beliau dapat memeluk saya. Sambil itu beliau berkata idea ini adalah anugerah Allah kepada saya. Cuma apa yang beliau kesalkan ialah mengapa idea itu tidak terbit dari orang Arab sendiri."*²⁴

Pengiktirafan di atas menunjukkan bahawa idea yang dikemukakan oleh YM Ungku Aziz ini adalah satu bentuk pengumpulan harta atau wang jemaah-jemaah haji yang halal dan selaras dengan kehendak syariah. Oleh yang demikian, bersesuaian dengan kehendak masyarakat Melayu pada masa itu, yang mendambakan satu institusi yang tidak bercanggah dengan Islam, maka

penubuhan Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) dan seterusnya ditukar kepada Lembaga Tabung Haji (LTH) ini telah membuka ruang baru untuk umat Islam menyimpan dan dalam masa yang sama memastikan harapan mereka menunaikan haji terlaksana.

1.3 Objektif / Matlamat Penubuhan

Semenjak penubuhan Lembaga Tabung Haji (LTH) pada tahun 1969, pihak LTH telah menggariskan beberapa objektif utama dalam segala bentuk urusan dan pengurusan yang dilaksanakan. Terdapat dua objektif utama yang diwartakan semasa penubuhan LTH pada 1969 sebagaimana yang disebutkan di bawah²⁵:

1. Memberikan perkhidmatan yang baik, sempurna dan amat memuaskan kepada jemaah haji Malaysia dalam urusan mereka menunaikan fardhu haji.
2. Memberi keuntungan yang maksimum kepada pendeposit-pendeposit atas wang simpanan mereka.

Daripada objektif-objektif yang digariskan oleh pihak LTH di atas, dapatlah kita lihat bahawa objektif yang menyeluruh ini melibatkan dua elemen dan aktiviti utama bagi kewujudan LTH iaitu proses penyimpanan wang para jemaah haji, proses penglibatan wang-wang jemaah dalam aktiviti perbankan

dan kewangan Islam dan juga pengurusan haji jemaah-jemaah sebelum berangkat ke Tanah Suci, semasa di Tanah Suci dan juga urusan kembali semula ke tanah air.

1.4 Tujuan Penubuhan

Setiap organisasi yang berjaya itu sudah tentu mempunyai perancangan yang teliti dan rapi. Seperti juga penubuhan LTH, ia bukanlah satu perancangan yang muncul secara tiba-tiba, akan tetapi ia merupakan wacana dan hasil koreksi para ilmuan khususnya YM Ungku Aziz sendiri dalam usaha untuk melihat satu reformasi besar dan positif terhadap sistem kewangan umat Islam. Sebagai usaha pengukuhan, YM Ungku Aziz telah membuat satu observasi yang mendalam terhadap sikap menabung masyarakat Melayu dengan niat yang besar iaitu untuk menunaikan haji walaupun keadaan sosio-ekonomi mereka agak kurang stabil.

Oleh yang demikian, dengan niat yang mulia ini, LTH telah diasaskan dengan bertunjangkan beberapa tujuan penting bagi memastikan scgala perancangan, aktiviti dan penyelanggaraan tidak tersasar dari matlamat dan objektif yang telah digariskan. Antara tujuan penubuhan LTH yang dimaksudkan ialah:²⁶

1. Membolehkan orang Islam menyimpan wang secara beransur-ansur bagi memenuhi perbelanjaan menunaikan fardhu haji atau lain-lain perbelanjaan yang berfaedah.

2. Membolehkan orang-orang Islam melalui wang simpanan mereka mengambil bahagian dengan lebih berkesan di bidang penanaman modal dalam lapangan perusahaan, perdagangan, perladangan serta tanah dan bangunan melalui cara yang halal di sisi agama Islam.
3. Memberikan perlindungan, pengawalan dan kebajikan kepada orang-orang Islam menunaikan fardhu haji dengan mengadakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan.

1.5 Misi Korporat

Sebagai salah satu cara bagi mengisi keperluan pembangunan ekonomi negara yang rancak, Tabung Haji turut sama-sama melangkah kehadapan bagi memastikan organisasi yang utama ini dapat bersaing seiring dengan institusi kewangan yang lain. Sehingga penerbitan Buku Laporan Sejarah Perkembangan Tabung Haji 30 Tahun pada tahun 1993, pihak Tabung Haji tidak menggariskan secara khusus misi korporat yang menjadi wawasan Tabung Haji.

Namun demikian, bertitik tolak dari keyakinan yang tinggi bahawa Tabung Haji akan turut sama-sama menyumbang secara maksimum kepada pembangunan ekonomi negara seiring dengan institusi kewangan yang lain, maka Tabung Haji telah menggariskan beberapa misi korporat bagi mencapai wawasan yang telah digariskan iaitu²⁷:

1. Memberikan perkhidmatan yang cekap dan cemerlang kepada pelanggan.
2. Mengamalkan semangat berpasukan yang beramanah, profesional, produktif dan berhemah tinggi.
3. Beriktikad memberikan pulangan yang tinggi dan setanding dengan pasaran.
4. Menggunakan teknologi dan sistem terkini untuk pengurusan dan perkhidmatan yang berkualiti.

Oleh yang demikian, berdasarkan Misi Korporat yang cuba dicapai oleh Tabung Haji, pihak pengurusan telah menggariskan beberapa piagam pelanggan yang dikhususkan untuk memastikan semua pelanggan-pelanggan Tabung Haji mendapat perkhidmatan yang terbaik dan cemerlang. Piagam yang dimaksudkan adalah seperti berikut²⁸:

1. Membantu anda mendapatkan haji yang mabur dengan perbelanjaan yang berpatutan.
2. Menyelaras penerbangan haji yang menepati masa, selamat dan boleh diharapkan.

3. Menyediakan penginapan yang bersih dan selesa di tanah suci.
4. Menyelenggara akaun pendeposit secara profesional dan mengawalnya secara sulit dan persendirian.
5. Melabur dalam bidang pelaburan yang halal, berhemat dan selamat supaya dapat memberi pulangan yang setanding dengan pasaran, di samping memastikan pertumbuhan yang berterusan.
6. Memberi layanan yang mesra, cepat dan cekap.
7. Memberi maklumat yang tepat, jelas dan terkini.

.....

1.6 Logo Lembaga Tabung Haji

Permulaan penubuhan Tabung Haji memperlihatkan satu logo yang ringkas dan bersesuaian dengan kedudukan Tabung Haji sebagai wadah pengumpulan wang umat Islam. Logo yang bercirikan logo Malaysia masih mengekalakan dua harimau sebagai lambang kegagahan dan lambang bintang dan bulan sabit sebagai lambang Islam sebagai agama rasmi negara ini. (Lihat lampiran 1.2) Logo ini telah digunakan sehingga tahun 1997.

Pembaharuan dan peralihan dunia korporat ke alam global telah mengajak LTH untuk turut sama mara ke arah globalisasi perkhidmatan yang berkesan. Setelah dikuatkuasakan akta baru dalam tahun 1995 yang menyediakan ruang dan peluang untuk memberikan perkhidmatan secara global, maka pada 28 Ogos 1997, LTH telah melancarkan logo korporatnya yang baru yang lebih bersifat semasa dan terkini dengan ciri-ciri tersendiri.²⁹

(Lihat lampiran 1.1)

Logo LTH yang condong ke sebelah kanan menggambarkan bahawa LTH tidak statik dalam usaha-usaha mencapai segala misi dan cita-citanya. Ia sentiasa selari dan seiring dengan perkembangan-perkembangan sistem dalam pengurusan haji, kepelbagaiian kegiatan pelaburan dan perisian teknologi. Huruf  adalah kependekan perkataan-perkataan Tabung Haji di dalam bahasa Arab. Huruf  dan *TH* ditimbulkan bagi melambangkan huruf-huruf identiti (*irutiah*) Tabung Haji. Bentuk segi logo ini melambangkan Ka'bah yang menjadi arah tuju dan tumpuan sembahyang seluruh umat Islam di dunia. Dalam hal ini LTH akan terus menyeru dan menggalakkan orang di Malaysia untuk melawat Ka'bah bagi tujuan haji dan umrah.³⁰

Logo yang baru dan penuh simbolik ini menunjukkan satu visi dan misi Tabung Haji yang memandang kecemerlangan di masa hadapan terus digunakan sehingga ke hari ini.

1.7 Organisasi Pentadbiran (Lihat lampiran 1.3)

Secara umumnya, pentadbiran Tabung Haji terdiri daripada dua badan yang besar iaitu badan-badan utama yang merencana yang terdiri daripada menteri-menteri tertentu dan wakil-wakil yang dilantik. Mereka ini dinamakan sebagai Ahli Lembaga atau singkatannya dipanggil ‘Lembaga’ dan Majlis-majlis Penasihat. Yang kedua, badan-badan perlaksana yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif yang merupakan kakitangan-kakitangan LTH yang bekerja untuk meningkatkan kecemerlangan LTH.

Bagi perencana utama Tabung Haji, ia terdiri daripada ahli-ahli Lembaga Pengarah serta Majlis-majlis Penasihat Haji dan Pelaburan serta beberapa jawatankuasa yang lain. Perlantikan pertadbiran tertinggi ini adalah mengikut Seksyen 2, 6 (I) dan II Akta Tabung Haji.³¹ Selain daripada itu, penggerak utama Tabung Haji pula terdiri daripada beberapa Jabatan yang diletakkan di bawah kuasa Ketua Pegawai Eksekutif.

1.7.1 Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah merupakan kuasa tertinggi dalam Lembaga Urusan dan Tabung Haji yang berhak membuat keputusan bagi sebarang perbincangan yang dilakukan. Pada awal penubuhan LTH pada tahun 1969, Lembaga Pengarah dikenali sebagai Ahli Lembaga. Pada masa itu jumlah Ahli Lembaga adalah seramai 29 orang.³² Bertitik-tolak dari kesedaran untuk melicinkan

perjalanan membuat keputusan, jumlah Ahli Lembaga ini telah dikurangkan pada tahun 1973 dengan pindaan ke atasa akta yang ada.

Oleh itu, pada tahun 1973, jumlah Ahli Lembaga telah dikurangkan kepada 10 orang sahaja dan Majlis Penasihat Urusan Haji telah ditubuhkan. Namun demikian, Ahli Lembaga yang ditubuhkan di bawah Akta 8 serta Akta A 168, LUTH (Pindaan) 1973 telah dimansuhkan sehingga 31 Mei 1995. Selaras dengan pindaan Akta Tabung Haji pada tahun 1995, penubuhan Jemaah Lembaga Pengarah, Majlis Penasihat dan jawatankuasa adalah mengikut seksyen 2, 6 (I) dan II Akta Tabung Haji. Keahlian Lembaga Pengarah terdiri daripada³³:

1. Seorang Pengerusi yang dilantik oleh Menteri
2. Seorang wakil daripada Jabatan Perdana Menteri
3. Seorang wakil daripada Perbendaharaan
4. Tidak lebih 7 orang ahli yang dilantik oleh Menteri
5. Pengarah Besar atau Ketua Pegawai Eksekutif

Lembaga Pengarah ini juga telah diberi kuasa menurut Seksyen 4(1) bagi mentadbir Kumpulan Wang dan segala hal yang berkenaan dengan kebajikan jemaah-jemaah haji dan membuat dasar yang berkaitan dengannya serta apa sahaja yang berkaitan yang boleh dilakukan di bawah Akta ini.³⁴

Lembaga juga dengan kelulusan menteri boleh menyertai apa-apa perkongsian, usahasama, pengusahaan atau apa-apa bentuk kerjasama atau perkiraan lain bagi berkongsi keuntungan. Mereka juga dibenarkan untuk

mengambil dan memperoleh syer atau sekuriti dalam mana-mana pihak berkuasa awam, perbadanan dan badan-badan lain yang diakui. Disamping itu, mereka juga dibolehkan untuk menubuhkan perbadanan untuk menjalankan sebarang projek dan dibolehkan juga untuk menubuhkan dan mengajurkan penubuhan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965.³⁵

Sehingga tahun 1999, ahli lembaga pengarah Tabung Haji terdiri daripada seorang Pengurus, seorang wakil dari Jabatan Perdana Menteri, seorang wakil Perbendaharaan, 6 orang ahli yang dilantik dan juga Ketua Pegawai Eksekutif.

1.7.2 Majlis Penasihat Urusan Haji

Penubuhan Majlis Penasihat Urusan Haji dibuat pada awalnya ditubuhkan dengan pindaan ke atas Akta 1969. Ia bertujuan untuk mengurangkan bilangan Ahli Lembaga. Pada peringkat awal di bawah Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji (Pindaan) 1973 (Akta A 168), keahlian Majlis Penasihat terdiri daripada:³⁶

1. Pengurus Lembaga
2. Seorang Wakil Jabatan Perdana Menteri
3. Seorang Wakil Perbendaharaan
4. Seorang Wakil Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri
5. Pengarah Besar yang akan menjadi Setiausaha bagi Majlis Penasihat

6. Seorang wakil dari tiap-tiap satu daripada negeri-negeri dalam Malaysia
7. tidak lebih dari 10 ahli lain yang akan dilantik oleh Menteri.

§

Pada 1995 di bawah Akta 535, Akta Tabung Haji 1995 sekali lagi pindaan dibuat ke atas akta Tabung Haji. Namun demikian kewujudan Majlis Penasihat Urusan Haji telah dikenalkan untuk menjalankan tanggungjawab yang telah digariskan. Secara ringkas ia merupakan badan yang turut bertanggungjawab secara langsung terhadap kebijakan jemaah-jemaah haji. Selain daripada itu, majlis ini juga bertanggungjawab menasihati pihak menteri mengenai kebijakan jemaah haji dan semua perkara yang dirujuk terhadapnya Menteri berkaitan. Keahlian Majlis Penasihat Urusan Haji sehingga tahun 1999 terdiri daripada:

1. Seorang Pengerusi
2. Seorang Wakil daripada Kementerian Kesihatan
3. Seorang Wakil daripada Kementerian Luar Negeri
4. 4 orang ahli Lantikan Menteri
5. Seorang Penasihat Haji atau al-Mustashâr
6. 13 Wakil-wakil dari setiap negeri di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak
7. Ketua Pegawai Ekssekutif (Pengarah Besar)
8. Pengurus Besar Kanan Jabatan Haji

1.7.3 Majlis Penasihat Pelaburan

Majlis ini ditubuhkan di bawah Akta A 168 LUTH (Pindaan) 1973. Majlis Penasihat Pelaburan ditubuhkan berdasarkan dua tujuan yang paling utama. Tujuan yang pertama ia merupakan satu badan yang bertanggungjawab untuk menasihatkan para menteri tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan pelaburan Tabung Haji sebelum diluluskan oleh jemaah menteri.

Selain daripada itu, ia juga berfungsi untuk menggantikan Majlis Penasihat Kewangan yang diwujudkan di bawah Akta 8 Lembaga Urusan dan Tabung Haji 1969 yang telah dimansuhkan sempena tertubuhnya Akta 535, Akta Tabung Haji 1995.³⁷ Keahlian Majlis Penasihat Pelaburan ini semasa di awal penubuhannya terdiri daripada:³⁸

1. Seorang Pengurus
2. 5 orang ahli yang dilantik
3. Seorang Setiausaha yang juga merupakan Ketua Eksekutif Tabung Haji.

Walau bagaimanapun, mulai 15 Oktober 1998, Majlis Penasihat Pelaburan ini telah dimansuhkan.³⁹ Oleh itu, dalam Laporan Tahunan 1999, laporan mengenai Majlis Penasihat Pelaburan tidak dimasukkan dan dilaporkan sebagaimana yang dilakukan seperti laporan-laporan terdahulu. Majlis Penasihat Pelaburan ini walau bagaimanapun telah ditubuhkan semula pada bulan September tahun 2001.⁴⁰

1.7.4 Lain-lain Jawatankuasa

Selain daripada badan-badan utama di atas, Lembaga Tabung Haji (LTH) juga diteguhkan dengan kewujudan jawatankuasa-jawatankuasa lain yang bertujuan untuk melicinkan dan menyelaraskan pengurusan Tabung Haji. Jawatankuasa-jawatankuasa ini ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah Tabung Haji dan dipengerusikan oleh Pengarah Besar dan mempunyai tugas-tugas tertentu. Pada awal penubuhan Tabung Haji, hanya terdapat dua jawatankuasa utama iaitu Jawatankuasa Kewangan dan Jawatankuasa Kebajikan.⁴¹ Kedua-dua jawatankuasa ini dibantu oleh jawatankuasa-jawatankuasa lain iaitu Jawatankuasa Kawalan Perbelanjaan dan Pelaburan, Jawatankuasa Perkhidmatan dan Tatatertib, Jawatankuasa Tender/Sebutharga, Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji (Tabung Haji/Pusat Islam dan Jawatankuasa Audit).⁴²

Jawatankuasa Kewangan bertanggungjawab mentadbir dan melaburkan Kumpulan Wang Lembaga dan hendaklah mempunyai kuasa sebagaimana yang diwakilkan oleh Lembaga. Manakala Jawatankuasa Kebajikan pula bertanggungjawab ke atas kebijakan perlindungan, pengawalan dan kebijakan orang-orang haji dan hendaklah mempunyai kuasa sebagaimana yang diwakilkan oleh Lembaga. Kedua-dua jawatankuasa ini hendaklah bertindak selaras dengan dasar-dasar Lembaga.

Schingga laporan pada tahun 1997 jawatankuasa-jawatankuasa yang terbabit adalah terdiri daripada:⁴³

1. Jawatankuasa Perkhidmatan dan Tatatertib

2. Jawatankuasa Kebajikan Haji
3. Jawatankuasa Penasihat Ibadah Haji (Tabung Haji / Pusat Islam)
4. Jawatankuasa Audit
5. Jawatankuasa Sebutharga/Pengurusan Tender
6. Jawatankuasa Pengurusan

Namun demikian, pada tahun 1998, selaras dengan pertukaran Ketua Pengarah yang baru LTH, dalam Laporan Tahunan 1998, Jawatankuasa-jawatankuasa yang terbabit tidak dilaporkan.

1.7.5 Ketua Eksekutif

Ketua Pegawai Eksekutif yang dilantik oleh Menteri di bawah Bahagian III Seksyen 12(1) Akta 535, Akta Tabung Haji 1995 ialah Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji yang terdiri daripada:⁴⁴

1. Ketua Pegawai Eksekutif
2. Pengurus Besar Kanan (Haji)
3. Pengurus Besar Kanan (Pendeposit)
4. Pengurus Besar Kanan (Kewangan)
5. Pengurus Besar Kanan (Pelaburan)
6. Pengurus Besar Kanan (Sumber Manusia)

Pada awal penubuhan Tabung Haji, Ketua Pegawai Eksekutif ini dikenali sebagai Pengarah Besar dan Ketua-ketua Jabatan dikenali sebagai Timbalan Pengarah Besar.⁴⁵ Nama ini dikekalkan sehingga tahun 1994. Pada tahun 1995, ia diganti dengan nama Ketua Eksekutif dan Timbalan Pengarah Besar diganti dengan nama Pengurus Besar. Pada tahun 1997, sekali lagi nama itu ditukar kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurus Besar Kanan.

Ketua Pegawai Eksekutif ini dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong yang bertujuan untuk mengetuai segala pengurusan dan gerak kerja Tabung Haji. Beliau dibantu oleh 5 orang Timbalan sebagaimana yang tertera di atas. Mereka bertanggungjawab terhadap segala gerakerja pegawai-pegawai dan kakitangan Tabung Haji yang terdiri daripada lima jabatan-jabatan utama.

1.8 Jabatan-jabatan di Lembaga Tabung Haji (LTH)

Semenjak tahun 1988 sehingga tahun 1994, Tabung Haji mempunyai 4 jabatan-jabatan yang utama. Secara umumnya, nama-nama Jabatan ini berubah mengikut keperluan semasa, namun tanggungjawab setiap jabatan tidak banyak yang berubah. Antara jabatan-jabatan yang ada sepanjang 7 tahun ini adalah yang pertama, Jabatan Korporat dan Pelaburan yang kemudiannya bermula pada tahun 1989 dikenali sebagai Jabatan Pelaburan. Kedua, Jabatan Haji yang turut dikenali dengan nama yang sama sehinggalah tahun 1994. Seterusnya, Jabatan Kewangan dan yang ke empat Jabatan Pentadbiran dan Perhubungan yang kemudiannya dinamakan sebagai Jabatan Pentadbiran. (Lihat lampiran 1.4)

Bermula dari tahun 1995 pula, Selaras dengan pindaan Akta Tabung Haji, bilangan jabatan di Tabung Haji turut berubah. Ia terdiri daripada 5 Jabatan seperti Jabatan Pentadbiran dan Kualiti, Jabatan Pembanguna Pelaburan, Jabatan Pengurusan Aset dan Kewangan, Jabatan Khidmat Haji dan Jabatan Khidmat Pendeposit. (Lihat lampiran 1.5)

Manakala pada tahun 1997, sekali lagi rombakan terhadap beberapa nama-nama Jabatan telah dibuat dan mengekalkan nama-nama jabatan tertentu seperti Jabatan Pelaburan, Jabatan Haji dan Jabatan Kewangan. Manakala Jabatan Pentadbiran dan Kualiti telah digantikan dengan Jabatan Sumber Manusia serta Jabatan Khidmat Pendeposit telah digantikan dengan Jabatan Pendeposit. Jabatan-jabatan ini kekal hingga ke hari ini. (Lihat lampiran 1.6)

Sehingga keluarnya buku Laporan Tahunan 1999 dan juga maklumat yang terkini daripada laman web Tabung Haji, LTH diterajui oleh lima jabatan yang masing-masing mempunyai fungsi tersendiri yang disusun secara sistematis dan teratur bagi menjamin perkhidmatan yang cekap dan efisyen bagi setiap pihak samada pelanggan ataupun anggota. (Lihat lampiran 1.7) Jabatan-jabatan itu termasuklah:

1. Jabatan Sumber Manusia
2. Jabatan Pelaburan
3. Jabatan Kewangan
4. Jabatan Haji
5. Jabatan Pendeposit

Sebelum membincangkan lebih lanjut mengenai Jabatan-jabatan ini, di bawah penyeliaan Ketua Pegawai Eksekutif secara langsung, terdapat beberapa bahagian yang penting iaitu Bahagian Pengurusan Audit Dalaman dan Bahagian Perancangan Korporat. Kedua-dua Bahagian ini diketuai oleh Pengurus Besar. Manakala sekretariat yang terdiri daripada pegawai undang-undang telah diletakkan di bawah pengawasan Bahagian Undang-Undang, Jabatan Pelaburan bermula pada 17 Ogos 1998 yang mana sebelum ini diletakkan di bawah seliaan • Ketua Pegawai Eksekutif.

1.8.1 Jabatan Sumber Manusia

Pada awal penubuhan LTH, Jabatan Sumber Manusia ini dikenali sebagai Jabatan Pentadbiran. Ia merupakan antara Jabatan yang memainkan peranan penting dalam urusan pentadbiran dalam LTH. Objektif utama penubuhan Jabatan Sumber Manusia ialah untuk memberikan perkhidmatan sokongan pejabat kepada semua bahagian di ibu pejabat, pejabat-pejabat negeri dan juga daerah.

Secara asasnya, jabatan yang menyediakan perkhidmatan sokongan ini melaksanakan dan menguakuasakan semua peraturan dan undang-undang serta dasar yang diluluskan oleh Lembaga yang tertakluk kepada Akta Tabung Haji. Selain daripda itu, jabatan ini juga berfungsi sebagai satu badan yang menggerakkan tenaga kerja LTH. Ia turut sentiasa menitikberatkan kemampuan dan keperluan tenaga manusia di samping menyediakan latihan yang secukupnya untuk semua anggota.⁴⁶

Jabatan ini juga menyokong semua pejabat LTH dari segi teknikal dengan menyediakan tenaga manusia yang mencukupi dan sesuai. Jabatan ini turut bertanggungjawab memberikan maklumat yang terkini dan laporan perkembangan tahunan LTH secara keseluruhannya kepada orang ramai apabila diperlukan. Di samping itu, segala urusan penerimaan dan penghantaran surat di LTH adalah juga dikendalikan oleh jabatan ini.⁴⁷

Sebagai tambahan, Jabatan Sumber Manusia ini diamanahkan untuk mengawasi keberkesanan dalam pelaksanaan sistem perkhidmatan berkualiti malah bertanggungjawab membantu jabatan lain dalam mencapai piawaian kualiti yang diinginkan.⁴⁸

Selain daripada tugas umum di atas, Jabatan Sumber Manusia juga bertanggungjawab untuk melantik pekerja-pekerja Tabung Haji dan menyusun tenaga kerja mengikut keperluan dan kemahiran dari setiap bahagian sama ada di peringkat pusat, negeri maupun daerah. Bagi meningkatkan kualiti dan efisiensi pekerja, jabatan ini turut mengadakan peluang-peluang latihan, khususnya kerjaya dan seminar-seminar dari masa ke semasa.⁴⁹ Sebagai contoh pada tahun 1999, sebanyak 102 orang anggota Tabung Haji telah dihantar melanjutkan pelajaran menerusi Hadiah Latihan Tabung Haji.⁵⁰

Sebagai satu usaha untuk menghargai sumbangan pekerja-pekerja Tabung Haji, pihak pengurusan telah mencalonkan anggotanya yang layak untuk

menerima anugerah Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat sama ada diperingkat Negeri atau Persekutuan. Bagi peringkat dalaman pula, beberapa anugerah telah diberikan kepada anggota-anggotanya seperti Anugerah Perkhidmatan Cemerlang serta Anugerah Khidmat Lama.⁵¹

Sebagai penyelarasan tugas di Jabatan Sumber Manusia, jabatan ini telah dibahagikan kepada beberapa bahagian. Setiap bahagian ini diketuai oleh Pnegurus Besar. Bahagian-bahagian yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

1. Bahagian Pentadbiran
2. Bahagian Kualiti
3. Bahagian Komunikasi Korporat
4. Bahagian Sumber Manusia.

1.8.2 Jabatan Pelaburan

Jabatan ini bertanggungjawab terhadap semua jenis urusan pelaburan dan pengurusan wang tunai dalam bidang ekonomi yang tidak bertentangan bertentangan dengan hukum syara'.⁵² Selain daripada itu, ia turut berperanan sebagai pihak yang menguruskan pelaburan dalam bidang ekonomi yang dapat memberikan pulangan yang maksimum tanpa mengenepikan syarat di atas.

Oleh yang demikian, bagi merealisasikan usaha ini, segala bentuk pelaburan yang akan dilakukan oleh Tabung Haji akan dirancang dengan penuh teliti bagi memastikan asas penetapan hukum halal atau sebaliknya mendapat

kepuasan yang maksimum dari semua pihak sama ada pihak pengurusan maupun pihak pendeposit.

Selain daripada tanggungjawab utama di atas, Jabatan Pelaburan, LTH juga giat menjalankan penyelidikan dan perancangan bagi keseluruhan Tabung Haji dan anak-anak syarikat dari segi membentuk dan mengemukakan cadangan-cadangan secara menyeluruh mengenai objektif, strategi dan dasar, di samping mengesan keseluruhan prestasi aktiviti-aktiviti yang dijalankan.⁵³

Bagi mewujudkan satu suasana kerja yang efisien dan tersusun, Jabatan Pelaburan telah membahagikan gerakerjanya kepada beberapa bahagian yang mana ia diketuai oleh Pengurus Besar iaitu:⁵⁴

1. Bahagian Pembangunan Hartanah
2. Bahagian Pembangunan Pelaburan
3. Bahagian Pengurusan Pelaburan
4. Bahagian Urusniaga Saham
5. Bahagian Perundangan⁵⁵

Maklumat yang terperinci mengenai Jabatan Pelaburan akan dibincangkan di dalam Bab 4 dalam disertasi ini.

1.8.3 Jabatan Kewangan

Jabatan ini befungsi sebagai satu badan yang merancang, merumus dan menyediakan belanjawan bagi organisasi Tabung Haji berdasarkan kepada keperluan jabatan-jabatan berkenaan bagi mencapai objektif Tabung Haji dengan lebih berkesan.

Di samping itu, ia juga memainkan peranan yang penting bagi mendapatkan pulangan yang maksimum dari pelaburan jangka pendek dan sewaan bangunan yang diuruskan oleh jabatan ini. Jabatan ini juga bertanggungjawab menguruskan hal ehwal kewangan Tabung Haji selaras dengan kehendak piawaian dan kawalan kewangan yang mantap.⁵⁶

Perkhidmatan kewangan yang ditawarkan oleh Bahagian ini turut meliputi negara-negara luar iaitu Makkah dan Madinah. Sebagai contoh, di Makkah terdapat kaunter-kaunter perkhidmatan kewangan disediakan seperti di *Ashraf Al-Jadidah*, *Dār el-Ghazzah* dan lain-lain. Manakala di Madinah pula sebanyak 4 kaunter pengeluaran telah disediakan iaitu di Ibu Pejabat Madinah dan di Zon 1, Zon 2 dan Zon 3.⁵⁷

Bagi tujuan menyeclaraskan urusan kewangan di Tabung Haji, jabatan ini telah dibahagikan kepada bahagian-bahagian seperti berikut. Setiap bahagian diketuai oleh Pengurus Besar:

1. Bahagian Kewangan
2. Bahagian Urusan Hartanah

3. Bahagian Pengurusan Dana
4. Bahagian Teknologi Maklumat

1.8.4 Jabatan Haji

Jabatan yang menjadi tunjang utama dalam perencanaan misi dan visi tabung haji ini menyediakan pelbagai kemudahan bagi memastikan setiap jemaah haji mendapat kepuasan beribadah yang diidamkan. Antara kemudahan dan perkhidmatan asas yang disediakan untuk para jemaah haji ialah seperti penyediaan pasport haji, urusan mengerjakan haji termasuklah visa dan lain-lain, perkhidmatan kesihatan bagi para jemaah, kursus-kursus haji, pengangkutan pergi dan balik serta pengangkutan di Tanah Suci dan juga perlindungan, pengawasan, kebijakan dan keselamatan kepada jemaah haji di Tanah Suci. Inilah antara khidmat-khidmat yang diberikan oleh jabatan ini kepada para jemaah haji dengan bantuan jabatan-jabatan lain.

Di Tanah Suci pula LTH bertanggungjawab sepenuhnya menyediakan perkhidmatan kebijakan, pengawalan dan perlindungan kepada jemaah haji Malaysia. Rombongan rasmi LTH bertanggungjawab antara lainnya ialah menyambut jemaah haji di Lapangan Terbang Antarabangsa King Abdul Aziz Jeddah, dan meneruskan kepulangan mereka ke Malaysia, mengadakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan kebijakan melalui pejabat-pejabat zon di Madinah dan pejabat-pejabat Maktab di Makkah, menyelaraskan urusan haji dengan pihak Wakil Bersatu di Jeddah, Muassasah Adillak di Madinah dan Muassasah Asia

Tenggara di Makkah, Arafah dan Mina, menziarahi pesakit-pesakit di hospital-hospital, menyediakan kemudahan pengeluaran wang simpanan di Tanah Suci, melaksanakan dam dan korban, mendaftar kelahiran dan kematian, mengadakan khidmat pakar rujuk mengenai ibadat haji dan ibadat lainnya, mengadakan khidmat kunseling, dan memberi perkhidmatan perubatan dan rawatan. Oleh yang demikian, tugas dan tanggungjawab jabatan haji tidak terhenti di tanahair kita sahaja, malah perkhidmatan yang cemerlang turut juga disumbangkan di Jeddah, Makkah dan Madinah serta di bandar-bandar yang berkaitan dengan urusan jemaah haji.

Bagi meningkatkan lagi prestasi cemerlang jabatan ini, beberapa pembaharuan yang positif telah dilaksanakan oleh Jabatan Haji. Ini termasuklah memperkenalkan sistem pendaftaran haji terbuka bermula pada tahun haji 1414H. Dengan berkuatkuasanya sistem kuota oleh kerajaan Arab Saudi, bakal-bakal haji boleh membuat perancangan dan pilihan tahun keberangkatan mereka ke Tanah Suci tanpa menghadapi masalah dalam urusan pendaftaran.⁵⁸ Oleh itu dengan adanya satu fleksibiliti dalam pemilihan tahun mengerjakan haji ini, para jemaah haji boleh merancang perjalanan mereka dan mempersiapkan diri secukupnya sebelum berangkat ke Tanah Suci.

Antara kemudahan lain yang disediakan oleh Jabatan Haji ialah penyediaan makanan ala-Melayu kepada semua jemaah haji yang memilih perkhidmatan Tabung Haji Muassasah semasa di Tanah Suci. Perkhidmatan ini disediakan oleh salah satu anak syarikat LTH iaitu TH Global Services Sdn. Bhd. dengan kerjasama 12 rakan kongsi di Arab Saudi.⁵⁹ Selain daripada itu,

perkhidmatan kesihatan juga disediakan kepada jemaah-jemaah haji yang mempunyai masalah kesihatan yang agak serius. Perkhidmatan ini disediakan oleh Klinik Syisya yang bermula operasinya pada musim haji 1419H, Hospital Aziziah, Klinik Jeddah dan Klinik Madinah.⁶⁰ Kesemua perkhidmatan ini dibekalkan semasa musim haji sahaja dan pasukan ini terdiri daripada pegawai-pegawai perubatan dari Malaysia.

Untuk mengukuhkan lagi usaha perkhidmatan cemerlang terhadap jemaah haji, jabatan ini telah dibahagikan kepada beberapa bahagian yang terdiri daripada:

1. Bahagian Kebajikan
2. Bahagian Bimbingan
3. Bahagian Pengendalian Haji
4. Bahagian Pejabat Konsul Haji
5. Bahagian Penguatkuasaan

Setiap bahagian ini turut diketuai oleh scorang Pengurus Besar yang bertanggungjawab ke atas segala urusan dan kakitangan bahagian masing-masing.

1.8.5 Jabatan Pendeposit

Jabatan Pendeposit bertanggungjawab ke atas urusan simpanan dan pengeluaran wang yang dilakukan oleh pendeposit sama ada di pejabat-pejabat

daerah, negeri dan juga ibu pejabat atau di agensi-agensi yang dilantik oleh Tabung Haji⁶¹ seperti pejabat-pejabat pos, bank-bank dan lain-lain lagi.

Selain daripada itu, ia juga bertanggungjawab untuk menguruskan penyelarasan setiap pendeposit termasuk dalam urusan mengeluarkan penyata akaun simpanan bagi setiap enam bulan. Perkhidmatan yang dilakukan termasuklah juga dalam urusan pengiraan bonus tahunan kepada pendeposit serta menyediakan kemudahan yang secukupnya untuk pendeposit membuat permohonan pengeluaran wang mereka.

Sebagai tambahan, selari dengan wawasan Perdana Menteri Malaysia, jabatan ini sedang mengenalpasti dan menilai usaha-usaha serta teknik-teknik yang berkesan untuk mendapatkan sekurang-kurangnya 50 peratus dari jumlah penduduk Islam di Malaysia mencarum sebagai pendeposit TH menjelang akhir tahun 2000. Usaha-usaha juga ditumpukan untuk menggalakkan setiap pendeposit menyimpan pada tahap minimum RM 1000 untuk tujuan-tujuan samada menunaikan fardu haji, pelaburan, mahupun tujuan-tujuan lain yang dibenarkan tertakluk kepada seksyen 16(2) (b) Akta Lembaga Tabung Haji 1995.⁶²

Selaras dengan kemajuan teknologi maklumat di negara kita, Jabatan Pendeposit LTH turut malangkah seiring dengan kepesatan era ini. Oleh itu, dengan niat untuk meningkatkan lagi sistem maklumat pendeposit, beberapa penambahbaikan telah dilakukan. Antaranya termasuklah Skim Potongan Gaji OCR (*Optical Character Recognition*) dimana jika sebelumnya sistem potongan gaji dilakukan secara manual, dengan adanya skim ini, skim potongan gaji dapat

dilaksanakan dengan lebih cepat. Perubahan-perubahan positif yang lain termasuklah penggunaan '*Digital Data System*' (DDS) dalam operasi percetakan penyata, dan lain-lain.⁶³

Sebagai tambahan, dengan kesedaran untuk melihat kebijakan warga tua terus terbelia, Tabung Pembiayaan Haji Warga Tua (TWT) telah dilancarkan pada Jun 1999. Tabung ini turut memberi pembiayaan terhadap warga tua yang bekemampuan dari segi kesihatan tetapi kurang mampu dari segi kewangan untuk menuaikan rukun Islam yang terakhir ini. Selain daripada itu, Jabatan Pendeposit juga buat julung-julung kalinya di LTH telah menyediakan kemudahan Buku Akaun Simpanan Tabung Haji kepada semua pendeposit. Kemudahan yang bermula pada tahun 2000 ini telah memberikan wajah yang positif terhadap institusi kewangan ini.

Manakala bermula pada tahun 2002 pula, proses penyimpanan wang melalui Bank Islam Malaysai Berhad dan cawangan-cawangannya. Melalui perubahan baru yang positif ini, penyimpanan di Tabung Haji boleh dilakukan menerusi 6 cara iaitu perkhidmatan kaunter, Mesin Deposit Tunai, Terminal Cek Ekspres, mesin ATM Bank Islam, pendepositan melalui bank-bank lain ke akaun Bank Islam melalui saluran MEPS dan pendepositan secara Arahan Tetap.⁶⁴

Bagi tujuan untuk meningkatkan lagi daya pengukuhan ekonomi pendeposit di Tabung Haji, jabatan ini telah dibahagikan kepada tiga bahagian yang mana setiap bahagian diketuai oleh Pengurus Besar iaitu:

1. Bahagian Simpanan dan Pengeluaran

2. Bahagian Pemasaran
3. Bahagian Operasi Pejabat Cawangan

1.9 Aktiviti-aktiviti di Lembaga Tabung Haji (LTH)

Tabung Haji yang telah beroperasi selama lebih kurang 39 tahun berlandaskan kepada tiga “*core business*” yang terdiri daripada aktiviti haji, aktiviti kewangan atau tabungan dan aktiviti pelaburan.⁶⁵ Kesemua aktiviti-aktiviti ini dijalankan dengan aktif dalam memastikan pihak pendeposit lebih berkeyakinan dan meningkatkan minat masyarakat Islam lain untuk melabur menerusi LTH.

1.9.1 Pengurusan Haji

Menguruskan perjalanan dan kebajikan jemaah haji adalah merupakan aktiviti utama LTH yang mana penubuhannya juga turut bermatlamatkan aktiviti ini. LTH bertangungjawab menguruskan urusan pergi dan balik jemaah-jemaah ini dan juga turut menyediakan perkhidmatan haji semasa di Tanah Air maupun di Tanah Suci Mekah dan Madinah.⁶⁶

Aktiviti ini terbukti memberikan satu cabaran dan tanggungjawab yang besar kepada LTH. Sepanjang tahun 1989 sehingga 1999, bilangan jemaah haji yang mengikuti dan memberikan kepercayaan kepada LTH untuk menguruskan urusan haji mereka adalah seperti berikut:


Jadual 1.1:
Bilangan Jemaah Haji melalui LTH pada tahun 1989 – 1999

TAHUN	BILANGAN JEMAAH HAJI
1989	33,511
1990	37,464
1991	27,456
1992	43,718
1993	37,620
1994	24,344
1995	25,117
1996	25,326
1997	25,474
1998	30,133
1999	37,687
JUMLAH	347,850

Sumber: Lembaga Tabung Haji (LTH)

Secara ringkas dan jelas, jadual bilangan jemaah haji melalui LTH pada tahun 1989 – 1999 di atas dapat dilihat secara lebih jelas dan teratur melalui carta di bawah.

Carta 1.1:
Bilangan Jemaah Haji melalui LTH pada tahun 1989 – 1999



Sumber: Lembaga Tabung Haji (LTH)

1.9.2 Pengurusan Kewangan dan Tabungan

Selain menguruskan jemaah haji, perkara utama yang perlu dipastikan sentiasa berjalan lancar oleh pihak LTH ialah kewangan para jemaah haji. Oleh yang demikian, aktiviti lain yang dijalankan oleh LTH ialah pengurusan kewangan Tabung Haji dengan menyediakan perkhidmatan tabungan untuk umat Islam⁶⁷ yang berwawasan untuk menunaikan ibadah haji bagi tempoh-tempoh tertentu.

Pengurusan kewangan ini amat penting kerana ia juga berkait-rapat dengan faktor kemampuan yang turut menjadi syarat yang membolehkan seseorang jemaah itu meneruskan perjalanan ke Tanah Suci. Oleh yang demikian, bagi memudahkan urusan pergi dan balik jemaah-jemaah ini, LTH telah menyediakan perkhidmatan menguruskan kewangan jemaah haji ini bagi membantu proses penabungan wang sebelum pergi dan juga pengeluaran wang semasa jemaah-jemaah haji berada di Tanah Arab.

Sebagai tambahan, peningkatan jumlah tabungan di LTH dapat dilihat secara kasar dengan peningkatan jumlah simpanan pendeposit sepanjang tahun-tahun 1989 sehingga 1999 sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadula di bawah.

Jadual 1.2:
Jumlah Simpanan Tahunan Pendeposit di LTH pada tahun 1989 – 1999


TAHUN	JUMLAH SIMPANAN TAHUNAN (RM Juta)
1989	556.9
1990	557.3

1991	687.6
1992	752.6
1993	811.9
1994	956.9
1995	1278.2
1996	1763.2
1997	2147.2
1998	2954.3
1999	3424.27
JUMLAH	15,890.37

Sumber: Lembaga Tabung Haji (LTH)

Jadual di atas dapat dilihat secara lebih jelas dan teratur melalui carta di bawah:

Carta 1.2:
Jumlah Simpanan Tahunan Pendeposit di LTH pada tahun 1989 – 1999



Sumber: Lembaga Tabung Haji (LTH)

Bagi menggalakkan aktiviti penabungan di kalangan penseposit beberapa hadiah-hadiah galakan dan cenderamata telah disediakan. Antaranya ialah Skim

Hadiah Galakan Sekolah-Sekolah Malaysia. Skim ini telah banyak meningkatkan kesedaran dan budaya menabung di kalangan pelajar-pelajar sekolah. Kepada para pendeposit pula, pelbagai cenderamata disediakan bagi menghargai mereka yang membuat simpanan di Tabung Haji. Sebagai contoh, bagi pendeposit yang membuat simpanan dalam jumlah tertentu akan diberikan cenderamata-cenderamata seperti pad memo eksekutif, pemegang pen, pen Parker, pad memo, mug, pemegang kunci dan tabung wang. Dalam bulan Ramadhan pula, pendeposit dihadiahkan sekotak buah tamar⁶⁸ bagi menggalakkan aktiviti penabungan ini diteruskan.

Apa yang jelas, usaha pihak LTH untuk menggalakkan dan meningkatkan kesedaran menabung di kalangan umat Islam bertambah positif. Perkara ini dapat dijelaskan melalui jadual bilangan pendeposit dan bilangan pendeposit baru yang mendaftar dan menyimpan di Tabung Haji.


Jadual 1.3:
Bilangan Pendeposit di LTH berbanding Pendeposit Baru
pada tahun 1989 – 1999

TAHUN	BILANGAN PENDEPOSIT	BILANGAN PENDEPOSIT BARU
1989	1,512,088	212,783
1990	1,753,678	241,590
1991	2,052,581	278,792
1992	2,200,202	147,621
1993	2,367,795	167,593
1994	2,536,582	188,898
1995	2,737,567	200,898
1996	2,977,838	240,271
1997	3,189,570	211,732
1998	3,461,290	271,720
1999	4,015,520	307,237

Sumber: Lembaga Tabung Haji (LTH)

Ringkasnya, jadual di atas dapat dicermak dengan lebih jelas dan teratur melalui carta di bawah.

Carta 1.3:
Bilangan Pendeposit di LTH berbanding Pendeposit Baru
pada tahun 1989 – 1999



Sumber: Lembaga Tabung Haji (LTH)

Sebagai konklusi, menerusi aktiviti kewangan yang aktif ini, LTH telah berjaya menghadiahkan para pendeposit bonus tahunan yang agak tinggi berbanding dengan institusi kewangan yang lain selepas pengiraan untung bersih dilakukan. Perkara ini sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Jadual 1.4:
Peratus Bonus oleh LTH pada tahun 1989 – 1999


TAHUN	% BONUS
1989	7.0
1990	7.0
1991	8.0
1992	8.0

1993	9.0
1994	9.5
1995	9.5
1996	9.5
1997	9.5
1998	8.0
1999	8.0

Sumber: Lembaga Tabung Haji (LTH)

Ringkasan jadual di atas adalah seperti yg ditunjukkan melalui carta di bawah.

Carta 1.4:
Peratus Bonus oleh LTH pada tahun 1989 – 1999



Sumber: Lembaga Tabung Haji (LTH)

1.9.3 Aktiviti Pelaburan

Memandangkan Tabung Haji merupakan satu institusi kewangan Islam, oleh yang demikian, ia bukan sahaja melibatkan diri dalam aktiviti tabungan semata-mata. Malah, LTH juga mengambil peluang dari perkembangan ekonomi dunia yang melonjak dengan laju untuk turut melibatkan diri dalam aktiviti pelaburan. Aktiviti ini melibatkan pelaburan dana yang terkumpul dan pengawasan fungsi pelaburan yang dilakukan oleh LTH.⁶⁹ Maklumat terperinci mengenai aktiviti pelaburan akan dibincangkan dalam Bab 4 menerusi disertasi ini.

1.10 Kesimpulan

*"Usaha ini Tuan Yang Dipertua! Satu usaha atau kerja yang sangat-sangat mendapat kepujian daripada segala umat Islam bahkan inilah satu-satu kerja yang diwajibkan kepada orang Islam. Dalam usaha ini kita mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka-mereka yang telah berunding memandukan kerajaan untuk membuat rancangan ini."*⁷⁰

Penubuhan LTH ini merupakan satu lagi catatan sejarah yang amat penting bagi umat Islam di Malaysia memandangkan ianya merupakan satu garisan permulaan dimana kewangan umat Islam disatukan di bawah satu badan berdaftar. Selain daripada itu, usaha ini juga memberikan kebanggaan yang amat besar kepada warga Malaysia. Malah dengan adanya Tabung Haji, masyarakat Malaysia mula terdedah dengan sistem perbankan Islam yang suatu masa dahulu merupakan pengamalan yang amat ganjil dan janggal bagi penduduk bumi bertuah ini.

Tambahan pula, penubuhan Tabung Haji turut menonjolkan satu bentuk pentadbiran Islam yang mencakupi semua aspek pengurusan yang perlu ada pada institusi Islam. Permulaan ini bukan sahaja merupakan satu langkah yang amat berani oleh umat Islam di mana pada waktu itu umat Islam masih sukar menerima perubahan yang baru. Yang amat diyakini, usaha ini juga turut memberikan gambaran yang positif mengenai Islam dan kesyumulannya terhadap masyarakat Islam sendiri mahupun warganegara bukan Islam di negara berpendudukan majmuk ini.

Selain daripada itu, dengan tertubuhnya Tabung Haji, hubungan dua hala antara Malaysia dan Arab Saudi bertambah erat dan baik di mana pengurusan yang lebih profesional mengenai jemaah-jemaah haji mula diaplikasikan di kedua-dua negara. Malah, dengan adanya hubungan erat ini, ia bukan sahaja memberikan implikasi positif kepada jemaah-jemaah haji malah yang lebih umum, ia juga membantu meningkatkan taraf ekonomi negara dan menggalakkan pelaburan asing ke negara kita. Apa yang jelas, usaha murni ini telah memberikan impak yang besar kepada pengurusan haji negara-negara Islam yang lain yang mana Tabung Haji telah dijadikan contoh ikutan dalam pengurusan haji di negara-negara Islam ini.

Pada hari ini, tumpuan LTH lebih banyak diarahkan kepada aktiviti pelaburan dalam pelbagai sektor yang diyakini akan lebih meningkatkan tahap ekonomi para jemaah haji. Aktiviti ini turut menyumbangkan kesan besar yang positif kepada ekonomi negara dan dunia umumnya. Tambahan pula, aktiviti-aktiviti pelaburan yang dijalankan turut memberikan peluang-peluang lain kepada umat Islam dan masyarakat yang lain secara umum. Sebagai contoh,

pelaburan dalam bidang perladangan membuka peluang rakyat setempat bekerja di ladang. Selain itu pelaburan dalam sektor harta tanah membolehkan masyarakat memiliki kediaman yang diidamkan dan membuka peluang pekerjaan kepada kontraktor-kontraktor terbabit.

§

Oleh yang demikian, dengan penyelarasan yang menyeluruh mengenai pengurusan jemaah haji dan juga pengurusan wang atau simpanan pendeposit-pendeposit, umat Islam di negara ini akan memberikan keyakinan yang maksima terhadap Tabung Haji bagi memastikan simbol kekuatan umat Islam ini terus bergerak dengan cemerlang menuju wawasan yang telah digariskan.

—
—
—

- ¹ _____(1993), *Buku Cenderamata Ulangtahun ke 30 Lembaga Urusan dan Tabung Haji*. Kuala Lumpur: LUTH, h. 17
- ² Zainal Abidin Abdul Wahid et al. (1993), *Sejarah Perkembangan Tabung Haji Malaysia 30 tahun*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, h. 40
- ³ Afzalur Rahman (1988), *Muhammad s.a.w: Encyclopedia of Seerah*. London: Muslim Educational School Trust, j. 1, h. 18
- ⁴ Mir Ayob Ali Khan (1986), *Saudi Gazette*, vol. 6, no. 8, h. 3, Lihat juga Zainal Abidin Abdul Wahid et al. (1993), *op.cit.*, h. 42
- ⁵ _____ (1982), *Peraturan Haji Arab Saudi, Musim Haji 1402 H / 1982 M*. Kuala Lumpur: LUTH, h. 10, 15 & 17
- ⁶ *Ibid.*, h. 10, 15 & 17
- ⁷ Kassim Ahmad (1997), *Hikayat Hang Tuah*, Kuala Lumpur: DBP, c. 8, h. 536-541
- ⁸ Dato' Haji Mohd Salleh Haji Awang (MISBAHA) (1986), *Haji di Semenanjung Malaysia, Sejarah dan Perkembangannya Sejak Tahun 1300H-1405 H(1896-1985 M)*. Terengganu: Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd., h. 109
- ⁹ _____ (1951), *Federation of Malaya :The Muslim Pilgrim Ordinance*, 1951, no. 56 of 1951, h. 80-82
- ¹⁰ _____ (1989), *Buku Cenderamata Sempena Upacara Perasmian Bangunan Tabung Haji Masjid Tanah Melaka dan Pelancaran Kempen Menambah Pendeposit Tabung Haji Peringkat Negeri Melaka*. Melaka: LUTH, h. 16; Lihat juga: Merah Abu Bakar (1988), Al-Islam, Februari , Eksklusif: *Ungku Aziz dan Tabung Haji*, h. 6-8; Lihat juga: Ungku Aziz bin Engku Abdul Hamid (1962), "Pilgrims Economy Improvement Plan" terdapat di dalam Report of the Pilgrims Economic Welfare Committee, Kuala Lumpur, 24 Januari 1962, h. 27; Lihat juga Zainal Abidin Abdul Wahid et al. (1993), *op.cit.*, h. 71
- ¹¹ Dato' Haji Mohd Salleh Haji Awang, (MISBAHA), (1986), *op.cit.*, h. 17
- ¹² *ibid.*, h. 265
- ¹³ *ibid.*, h. 272
- ¹⁴ Ungku Aziz bin Engku Abdul Hamid (1962), *op.cit.*, h. 21-22
- ¹⁵ _____ (1993), *op.cit.*, h. 5
- ¹⁶ Dato' Haji Mohd Salleh Haji Awang, (MISBAHA) (1986), *op.cit.*, h. 281
- ¹⁷ Ia telah ditubuhkan semenjak tahun 1951 lagi
- ¹⁸ Dato' Haji Mohd Salleh Haji Awang, (MISBAHA) (1986), *op.cit.*, h. 283
- ¹⁹ Merah Abu Bakar (1988), *op.cit.*, h. 7
- ²⁰ _____ (1998), *Undang-undang Malaysia*, Akta 8, 1969, Cetakan Semula No. 14, 1998, dengan pindaan-pindaan, h. 18
- ²¹ _____ (1996), *Laporan Tahunan Lembaga Urusan dan Tabung Haji 1996*, Kuala Lumpur: LUTH, h. 40
- ²² <http://www.tabung.haji.gov.my/bahasa/maklumatkorporat>, 20 November 2001
- ²³ Pada masa itu beliau adalah Mufti Besar Mesir, Rektor Universiti Al-Azhar merangkap Mufti Agung Mesir
- ²⁴ Merah Abu Bakar (1988), *op.cit.*, h. 7
- ²⁵ Zainal Abidin Abdul Wahid et al. (1993), *op.cit.*, h. 113
- ²⁶ *ibid.*, h. 113
- ²⁷ <http://www.tabung.haji.gov.my/bahasa/misikorporat>, 20 November 2001
- ²⁸ <http://www.tabung.haji.gov.my/bahasa/homeaktiviti.htm>, 20 November 2001
- ²⁹ <http://www.tabung.haji.gov.my/bahasa/homeaktiviti.htm>, 20 November 2001
- ³⁰ <http://www.tabung.haji.gov.my/bahasa/homeaktiviti.htm>, 20 November 2001
- ³¹ _____ (1995), *Laporan Tahunan Lembaga Urusan dan Tabung Haji 1995*, Kuala Lumpur: LUTH, h. 2
- ³² Zainal Abidin Abdul Wahid et al. (1993), *op.cit.*, h. 105-107
- ³³ _____ (1995) *Undang-undang Malaysia*, Akta 535, Akta Tabung Haji 1995, h. 12
- ³⁴ _____ (1995), *op.cit.*, h. 4
- ³⁵ _____ (1995), *op. cit.*, h. 10-11
- ³⁶ _____ (1969), *Undang-undang Malaysia*, Akta 8, Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji 1969, Cetakan no. 14, 1982, dengan pindaan-pindaan, h. 18, Lihat juga Zainal Abidin Abdul Wahid et al. (1993), *op.cit.*, h. 107
- ³⁷ Zainal Abidin Abdul Wahid et al. (1993), *op.cit.*, h. 114
- ³⁸ _____ (1995), *op.cit.*, h. 6

-
- ³⁹ _____ (1998), *Laporan Tahunan Lembaga Urusan dan Tabung Haji 1998*, Kuala Lumpur: LUTHI, h. 2, h. 9
- ⁴⁰ _____ (2001), "Pengerusi dan Ahli Panel Pelaburan Tabung Haji Dilantik", Berita Tabung Haji, Edisi September 2001, Bil. 9/2001, h. 1
- ⁴¹ Zainal Abidin Abdul Wahid et al. (1993), *op.cit.*, h. 107
- ⁴² *ibid.*, h. 115
- ⁴³ _____ (1997), *Laporan Tahunan Lembaga Urusan dan Tabung Haji 1997*, Kuala Lumpur: LUTHI, h. 5
- ⁴⁴ _____ (1998), *op.cit.*, h. 10 *
- ⁴⁵ Zainal Abidin Abdul Wahid et al. (1993), *op.cit.*, h. 116
- ⁴⁶ <http://www.tabung-haji.gov.my/bahasa/homeaktiviti.htm>, 20 November 2001
- ⁴⁷ <http://www.tabung-haji.gov.my/bahasa/homeaktiviti.htm>, 20 November 2001
- ⁴⁸ <http://www.tabung-haji.gov.my/bahasa/homeaktiviti.htm>, 20 November 2001
- ⁴⁹ _____ (1993), *op.cit.*, h. 31-32
- ⁵⁰ _____ (1999), *Laporan Tahunan Lembaga Urusan dan Tabung Haji 1999*, Kuala Lumpur: LUTHI, h. 2, h. 100
- ⁵¹ *ibid.*, h. 92-96
- ⁵² _____ (1993), *op.cit.*, h. 28
- ⁵³ _____ (1993), *op.cit.*, h. 28
- ⁵⁴ _____ (1999), *op. cit.*, h. 18
- ⁵⁵ <http://www.tabung-haji.gov.my/bahasa/cartath.htm>, 20 November 2001
- ⁵⁶ _____ (1998), *op.cit.*, h. 38-41
- ⁵⁷ _____ (1999), *op.cit.*, h. 58
- ⁵⁸ *ibid.*, h. 32
- ⁵⁹ *ibid.*, h. 50
- ⁶⁰ *ibid.*, h. 52
- ⁶¹ _____ (1995), *op.cit.*, h. 38-39
- ⁶² <http://www.tabung-haji.gov.my/bahasa/homeaktiviti.htm>, 20 November 2001
- ⁶³ _____ (1999), *op.cit.*, h. 80-82
- ⁶⁴ _____ (2002), "Tabung Haji Lantik Bank Islam Sebagai Ejen Pungutan Simpanan", Berita Tabung Haji, Bil. 3/2002, Mac 2002, h. 8
- ⁶⁵ <http://www.tabung-haji.gov.my/bahasa/homeaktiviti.htm>, 20 November 2001
- ⁶⁶ <http://www.tabung-haji.gov.my/bahasa/homeaktiviti.htm>, 20 November 2001
- ⁶⁷ <http://www.tabung-haji.gov.my/bahasa/homeaktiviti.htm>, 20 November 2001
- ⁶⁸ _____ (1999), *op.cit.*, h. 88
- ⁶⁹ <http://www.tabung-haji.gov.my/bahasa/homeaktiviti.htm>, 20 November 2001
- ⁷⁰ Encik Mohamed Yusof bin Mahrud - Temerloh, Perbahasan di Dewan Rakyat 14 Ogos 1962 dalam Dato' Haji Mohd Salleh Haji Awang, (MISBAHA) (1986), *op.cit.*, h. 272